

## **KERTAS KERJA**

### **SETENGAH TAHUN PENTADBIRAN PN: PENCAPAIAN, HARAPAN DAN CABARAN DARI ASPEK PERUNDANGAN**

**Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain  
Penasihat Undang-Undang  
Universiti Malaysia Perlis**

Pelantikan Tan Sri Muhyidin bin Yassin sebagai Perdana Menteri Malaysia ke 8 pada 29 Februari 2020 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berlaku selepas Tun Dr Mahathir Mohamad kehilangan sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri interim. Terdahulu dari itu, Tun Dr Mahathir meletakkan jawatan pada jam 1 pm, 24 Februari 2020 sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke 7.

Isu pelantikan Perdana Menteri Malaysia Ke 8 sengaja dipolemikkan sehingga boleh disifatkan sebagai cabaran terbesar terhadap Tan Sri Muhyidin bin Yassin dari aspek perundangan. Jemaah Menteri Tan Sri Muhyidin bin Yassin dimomokkan sebagai kerajaan pintu belakang yang tidak mendapat mandat rakyat. Walhal, semasa Jemaah Menteri Pakatan Harapan berkuasa, suara ketidakpuasan hati terhadap corak pentadbirannya semakin hari semakin meningkat. Itu menunjukkan tahap sokongan rakyat terhadap Pakatan harapan juga merosot. Justeru, tidak adil untuk mendakwa Kerajaan Perikatan Nasional tidak mendapat sokongan rakyat majoriti pada hari ini.

Cabaran terhadap kepimpinan Tan Sri Muhyidin bin Yassin dan kelangsungan Jemaah Menteri Perikatan Nasional masih berlaku kerana pada tarikh Kertas Kerja ini ditulis, Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi telah mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat (PR-1432-U(27)129).

Pada tarikh Kertas Kerja ini ditulis juga, Tan Sri Muhyiddin bin Yassin masih menjawat sebagai Perdana Menteri Ke 8. Justeru, Kertas Kerja ini bertujuan untuk

menilai pencapaian, harapan dan cabaran terhadap Perdana Menteri Ke 8 dari aspek perundangan.

Ketika Tun Dr Mahathir meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri Ke 7, umum melihat beliau masih mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat. Baru-baru ini dilaporkan dakwaan Tun Dr Mahathir bahawa beliau tidaklah berniat untuk melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri tetapi jawatan beliau gugur kerana pepecahan dalam Pakatan Harapan. Ada yang melihat dakwaan Tun Dr Mahathir itu sebagai satu alasan untuk menafikan hakikat pelantikan Tan Sri Muhyidin bin Yassin sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke 8 pada 29 Februari 2020 teretus akibat rentetan daripada peletakan jawatan beliau sebagai Menteri Malaysia Ke 7.

Dilaporkan bahawa dakwaan Tun Dr Mahathir, jawatan beliau sebagai Perdana Menteri Ke 7 terlucut apabila PPBM meninggalkan Pakatan Harapan pada 24 Februari 2020 maka sekaligus Jemaah Menteri Pakatan Harapan terubar. Itulah persembahan maklumat yang disampaikan oleh Tun Dr Mahathir kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Justeru, Jemaah Menteri Pakatan Harapan hanya sempat bertahan selama 22 bulan sahaja untuk memegang fungsi kuasa eksekutif Kerajaan Malaysia. Berdasarkan laporan yang ada, setakat sehingga 1 pm 24 Februari 2020 tiada sebarang usul undi tidak percaya dikemukakan terhadap Tun Dr Mahathir.

Walau apapun dakwaan Tun Dr Mahathir, peletakan jawatan beliau sebagai Perdana Menteri boleh berlaku di bawah Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan sama ada beliau terlucut jawatan apabila tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat atau beliau dengan sendiri meletakkan jawatan. Justeru, kedua-dua keadaan seperti di atas tidak tersyarat pada sokongan kepada parti, sebaliknya pada diri seorang Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, keadaan yang boleh disifatkan seorang Perdana Menteri hilang kepercayaan majoriti hingga terlucut jawatannya perlu diperhalusi dan tidak berlaku begitu sahaja tanpa suatu proses yang jelas.

Susulan peletakan jawatan Tun Dr Mahathir seperti yang dilaporkan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melantik kembali Tun Dr Mahathir sebagai

Perdana Menteri interim pada jam 7.30 pm pada hari yang sama. Interim kerana sifatnya sementara. Menurut kenyataan Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Mohd Zuki Ali, selaku Perdana Menteri interim, Tun Dr Mahathir akan menguruskan pentadbiran negara sehingga Perdana Menteri dan ahli Jemaah Menteri baharu dibentuk. Pelantikan tersebut seperti juga amalan sebelumnya dibuat berlandaskan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan, dan tiada siapa pun mempertikainya walaupun Pakatan Harapan pada ketika itu tidak lagi merupakan gabungan parti yang memiliki undi majoriti di Dewan Rakyat. Justeru, isu pelucutan jawatan atau terbubarnya Jemaah Menteri Pakatan Harapan semata-mata PPBM menarik diri daripada Pakatan Harapan tidak wajar ditimbulkan kerana yang dilantik itu atas sifat seorang ahli Dewan Rakyat yang mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Perlu diulangi bahawa pelantikan seorang ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 43(2)(a) menjadi sah apabila pada hemat baginda seorang ahli Dewan Rakyat itu mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, bukanlah berasaskan pada parti yang diwakilinya.

Dari satu sisi lain, tindakan Tun Dr Mahathir meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri ke 7 dilihat berlaku susulan beberapa insiden dalam Pakatan Harapan. Langkah Tun Dr Mahathir ketika itu dilihat cukup berwibawa kerana tiada peruntukan Perlembagaan Persekutuan menghalang beliau untuk menubuhkan Jemaah Menteri baharu walaupun komposisinya berbeza dengan yang sedia ada, asalkan sahaja calon-calonnya ialah ahli Majlis Parlimen. Hal ini kerana ketika itu masih belum ada ahli Dewan Rakyat dalam Pakatan Harapan yang menarik sokongan atau mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap beliau. Malah dilihat pada peringkat awal pelantikan Tun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri interim, beliau mendapat sokongan yang meningkat.

Pada dasarnya, rombakan Jemaah Menteri bukanlah suatu amalan baharu di Malaysia, begitu juga peletakan jawatan seorang Perdana Menteri yang masih mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat. Tun Dr Mahathir dan Tun Abdullah

Ahmad Badawi ketika melepaskan jawatan masing-masing sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke 4 dan Ke 5 masih mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Matlamat pelantikan Tun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri yang bersifat interim terserlah apabila tiada acara angkat sumpah jawatan Perdana Menteri diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Perkara 43(6) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

Sebelum seseorang Menteri menjalankan fungsi kuasanya dia hendaklah mengangkat sumpah dan menandatangani di hadapan Yang di-Pertuan Agong sumpah jawatan dan sumpah setia dan juga sumpah simpan rahsia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

Justeru, kuasa yang ada pada Tun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri interim amat terhad. Tempoh interim itu berakhir apabila pada 28 Februari 2020, ahli-ahli Dewan Rakyat daripada Gabungan Parti Sarawak, Muafakat Nasional dan sebahagian PPBM mencalonkan Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Perdana Menteri Ke 8, manakala Pakatan Harapan bertindak mencalonkan Dato' Sri Anwar Ibrahim.

Menurut kenyataan Istana Negara yang disiarkan pada 29 Februari 2020, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menerima senarai pencalonan nama-nama bakal Perdana Menteri daripada ketua-ketua parti politik yang mempunyai wakil dalam Dewan Rakyat juga Ahli Dewan Rakyat yang bebas. Selepas mendapat representasi semua, pada hemat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, ahli Dewan Rakyat yang mungkin mendapat kepercayaan majoriti ialah Tan Sri Muhyiddin bin Yassin.

Istiadat angkat sumpah dan penandatanganan suratcara Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Perdana Menteri Ke 8 akhirnya selamat disempurnakan di Istana Negara pada pagi Ahad, 1 Mac 2019 di hadapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada tahap ini, sudah jelas lagi tersuluh bahawa pelantikan Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Perdana Menteri Ke 8 adalah menurut kaedah yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Meskipun ada pihak yang mempertikai lantikan Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Perdana Menteri Ke 8, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menentukan sendiri mekanisma untuk melaksanakan pertimbangan baginda di bawah Perlembagaan Persekutuan. Proses yang dijalankan telah memuaskan hati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa Tan Sri Muhyiddin bin Yassin mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat. Mekanisma yang digunakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong jelas melangkaui syarat "mungkin mendapat kepercayaan".

Pada hakikatnya kesahan pelantikan Tan Sri Muhyiddin bin Yassin oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak boleh dipertikai apabila budi bicara untuk membuat pelantikan di bawah Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan bermula, iaitu apabila Perdana Menteri interim hilang kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat atau Perdana Menteri interim meletakkan jawatannya.

Pihak yang tidak bersetuju dengan pelantikan Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Perdana Menteri hanya boleh mencabar pelantikan tersebut jika Tun Dr Mahathir masih seorang Perdana Menteri yang sah dan masih mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat. Isu ini boleh ditimbulkan kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah melantik Tun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri interim selepas beliau meletak jawatan sebagai PM ke 7. Sekiranya Tun Dr Mahathir masih Perdana Menteri interim yang sah, pihak terkilan mempunyai asas yang kukuh untuk membawa usul ke mahkamah bagi maksud untuk menyemak keabsahan pelantikan Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Perdana Menteri. Pada satu sudut lain, pelantikan Tun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri interim juga boleh dipersoal sama kerana beliau belum mengangkat sumpah dan tandatangan suratcara sebagai seorang Perdana Menteri.

Isu yang menarik untuk dibahaskan ialah bilakah tempoh jawatan Perdana Menteri interim tamat kerana ketika itu baharulah bermula budi bicara Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk melantik seorang Perdana Menteri, melainkan dihujahkan pelantikan Tun Dr Mahathir belum sah kerana masih belum berlaku istiadat angkat sumpah dan tandatangan suratcara pelantikan seorang Perdana Menteri.

Jika disoroti peristiwa yang berlaku dalam tempoh lebih kurang seminggu, Tun Dr Mahathir telah hilang sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat secara nyata apabila ahli Dewan Rakyat dalam pasukan Muafakat Nasional dan Pakatan Harapan menarik balik sokongan kepada Tun Dr Mahathir, iaitu apabila masing-masing mengusulkan Tan Sri Muhyiddin bin Yassin dan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai calon Perdana Menteri Ke 8.

Akibatnya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menitahkan satu majlis menghadap dan proses baharu untuk membantu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melaksanakan budi bicara baginda. Pada hakikatnya akuan bersumpah yang disyaratkan dalam proses tersebut hanyalah salah satu mekanisma dan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak dibataskan dengan hanya berpandukan pada jumlah surat akuan yang dipersembahkan. Dalam keadaan ini ternyata telah berlaku satu keadaan atau tempoh yang menunjukkan Tun Dr Mahathir sudah hilang kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Perkara 43(4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa "apabila seorang Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaannya Parlimen dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong".

Tun Dr Mahathir kehilangan kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat berdasarkan kejadian di atas maka kerana itu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memanggil pemimpin-pemimpin yang disokong oleh dua kumpulan tersebut untuk menghadap termasuklah Tun Dr Mahathir pada pagi 29 Februari 2020. Keadaan tersebut dipercayai menyebabkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengguna pakai peruntukan Perkara 43(4) sebelum memutuskan pelantikan Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Perdana Menteri yang diumumkan pada sebelah petangnya.

Tegasnya, setelah Tun Dr Mahathir meletak jawatan atau dianggap meletak jawatan sebagai Perdana Menteri interim ketika masing-masing Muafakat Nasional

dan Pakatan Harapan menarik sokongan pada tarikh sebelum 29 Februari 2020, dan diterima oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong apabila baginda menitahkan calon-calon baharu, proses baharu untuk menimbangkan calon Perdana Menteri Ke 8 pun bermula.

Proses pencalonan baharu itu menyaksikan akhirnya hanya dua nama iaitu Tan Sri Muhyiddin bin Yassin dan Tun Dr Mahathir setelah Dato' Sri Anwar Ibrahim menarik diri lantas memberi sokongan kepada Tun Dr Mahathir. Justeru, pelantikan Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Perdana Menteri Ke 8 dibuat melalui budi bicara Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu pada hemat atau pertimbangan baginda, Tan Sri Muhyiddin bin Yassin mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Seperti dijelaskan, jumlah akuan bersumpah atau akaun bersumpah itu sendiri hanyalah salah satu mekanisma yang tidak membataskan bagaimana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melaksanakan budi bicara baginda. Apatah lagi jumlah akuan bersumpah yang dikemukakan selepas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sudah membuat keputusan untuk melantik Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Perdana Menteri Ke 8. Dari satu sudut lain, kandungan akuan bersumpah juga perlu diperiksa kerana tiada siapa yang boleh sesuka hati membuat akuan berkanun yang bercanggah antara satu sama lain.

Ringkasnya, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melaksanakan budi bicara baginda melantik Perdana Menteri Ke 8 selepas tempoh Perdana Menteri interim tamat kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berpuas hati Tun Dr Mahathir sudah hilang kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat malah Tun Dr Mahathir sendiri mempersetujui namanya dipertimbangkan semula oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai calon Perdana Menteri Ke 8.

Justeru pelantikan Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Perdana Menteri Ke 8 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak boleh dicabar apatah lagi dipertikai kerana baginda telah melaksanakan budi bicara yang dijamin oleh Perkara 40(2)(a) Perlembagaan Persekutuan iaitu pelantikan Perdana Menteri.

Jika masih ada pihak yang mencabar jumlah sokongan yang diperolehi oleh Tan Sri Muhyiddin bin Yassin, itu tidak menggugat kesahan pelantikan Tan Sri Muhyiddin bin Yassin dan istiadat pada pagi 1 Mac 2020 di Istana Negara. Selagi seorang Perdana Menteri masih mempunyai sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat, beliau boleh terus melaksanakan tugas dan memimpin Jemaah Menteri, sebagai ketua kerajaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Perlembagaan Persekutuan tidak merujuk kepada mana-mana parti politik justeru hak untuk melantik Perdana Menteri itu terletak pada budi bicara Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan syarat pada pertimbangan baginda seorang ahli Dewan Rakyat yang mungkin mendapat sokongan majoriti ahli-ahlinya. Kebijaksanaan dalam penggubalan peruntukan sedemikian itu terserlah apabila dalam keputusan PRU lepas tiada parti yang bersendirian mendapat undi majoriti Dewan Rakyat.

Berdasarkan fakta-fakta di atas, pelantikan Tan Sri Muhyiddin bin Yassin oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sudah mematuhi kehendak dan kaedah di bawah Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan, maka barang sesiapa yang mempertikainya boleh dianggap mencabar kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta berniat untuk mengancam ketenteraman awam dan mengeruhkan keadaan ekonomi negara.

Sokongan awal kepada Tan Sri Muhyiddin bin Yassin boleh disifatkan sebagai diuji buat pertama kalinya ketika proses untuk menggantikan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 13 Julai 2020. Di bawah perenggan (c) Perkara 57(2) Perlembagaan Persekutuan, usul untuk menggantikan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mestilah diluluskan melalui ketetapan Dewan Rakyat. Perkara 57(2) berbunyi:

(2) Yang di-Pertua boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditujukan kepada Setiausaha dewan Rakyat, dan hendaklah mengosongkan jawatannya-

(c) jika pada bila-bila masa Dewan Rakyat membuat ketetapan sedemikian.



Walau bagaimanapun, pelantikan Datuk Azhar Azizan Harun menggantikan Tan Sri Mohamad Arif Md Yusof sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat merupakan urusan Dewan Perundangan Negara atau Majlis Parlimen justeru tidak boleh dianggap sebagai proses undi kepercayaan kepada Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Perdana Menteri.

Buat masa ini kelihatan belum timbul keperluan Tan Sri Muhyiddin bin Yassin untuk menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi pembubaran Parlimen kerana sebagai Perdana Menteri, beliau masih mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat. Keadaan di atas berbeza jika Perdana Menteri tewas dengan usul yang dibawa oleh Tun Dr Mahathir, iaitu “Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi telah mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat”. Sekiranya Perdana Menteri tewas dengan undi tidak percaya sama ada dalam prosiding Dewan Rakyat atau tatacara lain yang sah menurut kaedah undang-undang maka Perdana Menteri boleh meminta Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk membubarkan Parlimen, atau beliau hendaklah meletakkan jawatan.

Dalam sidang Dewan Rakyat yang masih lagi berjalan sehingga 28 Ogos 2020, terdapat dua Rang Undang-Undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat setakat 18 Ogos 2020. Kelulusan dua Rang Undang-Undang itu bolehlah disifatkan sebagai undi kepercayaan majoriti kepada Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin. Dua Rang undang-Undang itu ialah seperti berikut, iaitu:

1. RUU Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) pada 17 Ogos 2020.
2. RUU Perbekalan Tambahan(2019) 2020 pada 12 Ogos 2020.

Antara isu yang hangat dibangkitkan oleh pengkritik polisi Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin ialah kesahan pembelanjaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Sebagai seorang pemimpin Kerajaan yang bertanggungjawab, RUU Langkah-Langkah bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 dibentangkan serta perbelanjaan dinyatakan bagi bacaan Ketiga oleh Dato' Sri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan. Semasa

pembentangan pada 18 Ogos 2020, Menteri Kewangan memaklumkan bahawa RUU Langkah-Langkah bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 digubal berlandaskan lima prinsip, kata beliau:

1. kerangka perundangan atau *legality*. Rang undang-undang ini telah mengambil kira semua kerangka perundangan negara yang sedang berkuat kuasa termasuklah Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, rujukan kepada kerangka negara-negara lain juga dibuat dalam memastikan undang-undang yang diperkenalkan selaras dengan praktis yang diguna pakai di peringkat antarabangsa.
2. keberhasilan atau *outcome*. Kerajaan sentiasa memastikan program dan projek yang dikenal pasti dalam pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi memberikan impak langsung kepada rakyat dan ekonomi dalam tempoh segera dan jangka sederhana.
3. kemampuan atau *affordability*. Kerajaan mempunyai keupayaan untuk menguruskan komitmen kewangan tambahan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi melalui pengenalan rang undang-undang ini. Kemampuan juga diukur sejauh mana kerajaan berupaya untuk kembali mematuhi disiplin fiskal sedia ada setelah tamat tempoh kuat kuasa akta ini.
4. ketelusan atau *transparency*. Kesemua dana bagi perbelanjaan berkaitan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi dimasukkan ke dalam satu kumpulan wang khas dan perbelanjaan kumpulan wang ini menjadi sebahagian daripada pengiraan defisit keseluruhan negara. Dengan izin, *it is on budget and not off budget*. Malah, semua item perbelanjaan berkaitan pakej rangsangan dan pelan pemulihan disenaraikan dengan jelas di dalam rang undang-undang ini.
5. tadbir urus yang baik atau *good governance*. Akta ini memerlukan kerajaan untuk membentangkan laporan tahunan semua perbelanjaan berkaitan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi seperti yang disenaraikan. Malah, sebarang pengumuman pakej rangsangan tambahan oleh kerajaan memerlukan pindaan kepada rang undang-undang ini sekali gus bermakna ia memerlukan kelulusan Parlimen.

Pendekatan yang digunakan melalui RUU Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 ialah bagi membenarkan kerajaan melaksanakan perkara-perkara berikut:

1. menaikkan had statutori bagi jumlah amaun wang yang boleh diperdapat di bawah Akta Pinjaman Tempatan 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 sehingga 60 peratus KDNK.
2. menubuhkan suatu Kumpulan Wang COVID-19 untuk membenarkan wang yang diperdapat di bawah Akta Pinjaman Tempatan 1959 dibayar ke dalam kumpulan wang ini; dan
3. membenarkan wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 digunakan dan diuntukkan bagi maksud program di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi.

Jelaslah, keputusan yang melibatkan kewangan dan perbelanjaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dibawa ke Parlimen untuk diratifikasi melalui proses perundangan selari dengan prinsip kedaulatan undang-undang.

Antara polisi lain Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin yang dikritik ialah pelantikan ahli Dewan Rakyat dalam syarikat milik Kerajaan atau *GLC*. Pelantikan sedemikian bukanlah amalan baharu kerana itu pernah berlaku sebelum ini. Pelantikan sedemikian mempunyai kebaikan tersendiri yang tergantung pada matlamat lantikan dan prinsip tadbir urusnya. Keburukan amalan tersebut boleh berlaku jika matlamat dan tadbir urus yang baik tidak dipatuhi oleh mereka yang diamanahkan. Dari sudut undang-undang, pelantikan sedemikian semata-mata tidak menjadi satu kesalahan melainkan terdapat unsur percanggahan kepentingan dan tegahan di sisi undang-undang negara. Sebagai ahli Parlimen yang mendokong Kerajaan semasa, mereka sewajarnya menjadi ejen untuk melihat dasar-dasar Kerajaan dipatuhi dan objektif organisasi dicapai dengan baik untuk memenuhi aspirasi rakyat. Namun begitu, Kerajaan pimpinan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin perlu mengadakan amalan tadbir urus yang baik serta penguatkuasaannya dengan tegas agar niat baik beliau tidak disalahguna oleh mana-mana pihak.

Dari sudut politik, kacamata tentang isu pembubaran Parlimen mungkin berbeza kerana di sana melibatkan banyak perkiraan lain. Perdana Menteri boleh sahaja menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk membubarkan Parlimen bagi memuaskan hati semua pihak. Keputusan itu terletak bukan sahaja pada Perdana Menteri, tetapi Jemaah Menteri. Dalam pada itu, pemimpin-pemimpin Muafakat Nasional telah menyatakan sokongan buat Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai calon PRU 15. Itu menunjukkan sokongan berterusan yang masih diterima oleh Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Perdana Menteri.

Apa yang perlu diberi peringatan, setiap pihak perlu pada setiap masa patuh pada undang-undang, taat pada keluhuran Perlembagaan dan tidak sekali-kali menimbulkan keadaan yang boleh menggugat ketenteraman awam apatah lagi rusuhan antara kaum. Tohmahan kerajaan pintu belakang atau '*Royal de coup*' merupakan propaganda tidak bertanggungjawab dan perlu dikenakan tindakan tegas oleh penguatkuasa undang-undang. Semua pihak harus menginsafi bahawa Kerajaan Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan ialah Kerajaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kuasa eksekutif Kerajaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu ditadbir oleh Jemaah Menteri yang boleh dilantik dalam kalangan ahli Majlis Parlimen, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Maka amat tidak wajar mempersoalkan budi bicara Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk melantik Perdana Menteri bagi Kerajaan baginda.

Senario di atas menunjukkan pencapaian, harapan dan cabaran bukan sahaja terhadap Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Perdana Menteri Ke 8, bahkan buat Perikatan Nasional sehinggalah Parlimen dibubarkan.